

Headline **Konvoi amal Modenas ke Saigon, Vietnam**
Date **12 Aug 2010**
MediaTitle **Sinar Harian (Pahang)**
Section **NEWS**
Journalist **N/A**
Frequency **Daily**
Circ / Read **60,000 /**

Language **Malay**
Page No **P14**
Article Size **203 cm²**
Color **Full Color**
ADValue **1,117**
PRValue **3,350**



Konvoi amal Modenas ke Saigon, Vietnam

SYARIKAT pengeluar motosikal tempatan, Motosikal dan Enjin Nasional Sdn Bhd (Modenas) berpeluang menguji keupayaan jenteranya apabila menaja konvoi bermotosikal sejauh 4,000 kilometer dari Shah Alam ke Saigon, Vietnam.

Terlebih dahulu, konvoi yang bertemakan 'Did I Miss Saigon? Charity Ride 2010' akan merentas lima negara iaitu Malaysia, Singapura, Thailand, Kemboja dan Vietnam bagi membantu kanak-kanak penghidap HIV/Aids.

Menurut Ketua Jualan dan Pemasaran Edaran Modenas Sdn Bhd (Emos), Steve Chee Weng Hoong, konvoi berkenaan dijayakan oleh tujuh warga Itali terdiri daripada pelbagai profesion

antaranya ahli farmasi, pekerja litar lumba F1, bidang pengiklanan dan pengusaha restoran.

Ia sebagai usaha mengumpul dana bagi disalurkan kepada pertubuhan yang membantu kanak-kanak penghidap HIV dan Aids, New Hope For Cambodian Children (NHCC).

Konvoi selama dua minggu

tersebut akan menggunakan motosikal Modenas model GT128.

"Menerusi konvoi jarak jauh ini, secara tidak langsung dapat membuktikan motosikal keluaran tempatan berkualiti tinggi, mampu bergerak jauh dan bersaing di pasaran antarabangsa," kata Chee ketika ditemui pada majlis pelepasan konvoi berkenaan.



Chee Weng (empat dari kiri), bersama peserta konvoi sebelum berlepas ke Saigon.